

TERJEMAHAN TEKS DI GALERI



# CROSSCURRENTS

Masterpieces of Mughal, Safavid, and Ottoman Art  
from the Musée du Louvre

19 June 2026 - 24 Jan 2027




EXHIBITION ORGANISED BY  
THE MUSÉE DU LOUVRE, PARIS AND  
THE ASIAN CIVILISATIONS MUSEUM, SINGAPORE

LOUVRE

ACM

Pelan galeri



# 1 **Silang Arus: Karya Agung Seni Mughal, Safawiyah dan Uthmaniyah dari Musée du Louvre**

Dari abad ke-16 hingga ke-18, dunia Mughal, Safawiyah, dan Uthmaniyah telah membentuk sebuah rantau yang luas dan saling terhubung merentasi Asia. Tatkala artifak, bahan mentah, dan kemahiran berpindah-randah di antara empayar-empayar ini, gaya dan teknik seni juga diubahsuai dan digubah semula. Ini telah mencetuskan kemunculan bahasa visual yang dilahirkan di samping tradisi tempatan yang tersendiri.

Pameran ini akan merentasi dua tingkat. Sila masuk ke galeri di sebelah kanan untuk menerokai empayar Mughal India dan Safawiyah Iran, sebelum meneruskan perjalanan ke Tingkat 3 untuk menyelami dunia Uthmaniyah. Tangga di tengah-tengah menyatukan dua jalinan ini, bersama sebuah peta yang menempatkan ketiga-tiga

empayar. Terdapat juga sebuah panel yang memperkenalkan konsep reka bentuk di sebalik pameran ini. Sambil anda menerokai ruang-ruang ini, kami mengajak anda untuk renungkan persamaan serta perbezaan yang terdapat pada artifak yang dipamerkan. Apakah yang anda pernah lihat, dan apakah pula yang di luar jangkaan anda?

## **2 Silang Arus: Karya Agung Seni Mughal, Safawiyah dan Uthmaniyah dari Musée du Louvre**

19 Jun 2026 – 24 Januari 2027

Dari abad ke-16 hingga ke-18, tiga empayar agung – Mughal di India, Safavid di Iran, dan Uthmaniyyah di Turki – telah membentuk sebuah dunia yang luas dan saling berhubung merentasi Asia. Zaman ini menandakan kemuncak pengaruh empayar-empayar ini, walaupun pada masa yang sama, perkembangan kuasa Eropah sedang

mengubah corak perdagangan dan politik global. Karya-karya seni yang dihasilkan oleh empayar-empayar ini menonjolkan kuasa, cita rasa, dan cita-cita empayar, menjadikan kekuasaan mereka sesuatu yang dapat dilihat dan dihayati.

### **Empayar yang Dinamik**

Di dalam dan juga di antara empayar-empayar ini, para seniman mengadun pelbagai pengaruh lalu membentuk gaya istana yang tersendiri. Tradisi tempatan terus kekal, walaupun bahasa visual yang dikongsi bersama mula muncul melalui hubungan antara wilayah. Jauh daripada sekadar wilayah pinggiran, Asia Tenggara juga memainkan peranan yang aktif dalam pertukaran seni ini. Perdagangan dengan Timur Tengah dan penyebaran agama Islam telah menyokong kebangkitan kesultanan-kesultanan perdagangan seperti Aceh, Banten, dan Johor, di mana bentuk-bentuk seni baharu mula terbentuk.

## **Perjalanan anda di pameran ini**

Pameran ini menampilkan seratus karya agung dari Muzium Louvre, yang diperoleh daripada koleksi diraja dan koleksi-koleksi kemudian.

Mulakan perjalanan anda merentasi zaman Mughal di India dan Safawiyah di Iran di galeri ini, sebelum meneruskan perjalanan ke tingkat atas untuk menyelami dunia Uthmaniyah.

Artifak Asia Tenggara daripada koleksi Muzium Tamadun Asia (ACM) turut dimuatkan sepanjang pameran ini, sekali gus menjalinkan dialog antara tradisi-tradisi tersebut serta menyerlahkan pertembungan arus budaya yang pernah menghubungkan wilayah-wilayah yang saling berjauhan.

### **3 Daripada istana diraja kepada muzium negara**

Louvre, yang asalnya sebuah istana diraja, telah bertukar menjadi muzium kebangsaan pada tahun 1793 semasa berlakunya Revolusi Perancis. Koleksi pegangannya dibentuk daripada himpunan diraja yang dikumpulkan

sejak abad ke-16 dan abad-abad seterusnya. Koleksi Louvre juga termasuk artifak yang dirampas semasa Revolusi serta perolehan yang diterima kemudiannya. Karya-karya dari dunia Islam telah mengisih masuk ke dalam koleksi ini sejak awal lagi. Pada mulanya, ia dipamerkan di sisi seni Eropah sebelum dihimpunkan bersama pada akhir abad ke-19. Pada tahun 2012, kesemua karya ini telah ditempatkan semula di galeri khas yang direka oleh Rudy Ricciotti dan Mario Bellini. Hari ini, koleksi seni Islam Louvre merangkumi lebih 20,000 buah karya, yang menjangkau masa selama empat belas abad, dari Sepanyol hinggalah ke India.

### **Naungan diraja**

Naungan diraja memainkan peranan penting dalam membentuk koleksi-koleksi awal ini. Di bawah pemerintahan Louis XIV (1638–1715), koleksi ini berkembang dengan ketara menerusi pembelian koleksi-koleksi utama dunia. Antara objek yang diperoleh

termasuklah bekas batu keras yang diukir daripada batu akik, jed dan hablur batu, yang mana sebahagian daripadanya berasal dari dunia Mughal dan Uthmaniyah. Dipamerkan di kediaman diraja seperti Louvre dan Versailles, karya-karya ini merupakan antara yang terawal dari dunia Islam yang telah memasuki koleksi muzium tersebut.

#### **4 Keagungan Mughal India (1526–1858)**

India telah menjadi pusat pertukaran sejak zaman klasik purba, menyaksikan barangan dan idea bergerak merentasi Asia menerusi laluan darat dan laut. Dinasti Mughal telah dimulakan pada tahun 1526 oleh Babur, seorang keturunan Timur dan Genghis Khan. Tewasnya Ibrahim Lodi, iaitu pemerintah terakhir Kesultanan Delhi di tangan Babur telah menjadi asas bagi penubuhan salah sebuah empayar teragung di dunia.

## **Zaman Kegemilangan**

Seni Mughal berkembang menerusi interaksi antara budaya istana Parsi dengan pelbagai tradisi tempatan yang rencam. Zaman kegemilangan ini mekar subur di bawah pemerintahan Akbar, Jahangir, dan Shah Jahan pada abad ke-16 dan ke-17. Di bawah naungan Akbar, Empayar ini telah diperkukuh dan bahasa Parsi diangkat sebagai bahasa pentadbiran, sekali gus menjalinkan hubungan yang lebih erat antara pihak istana dengan dunia Islam yang lebih luas.

## **Peluasan dan transformasi**

Empayar ini berkembang dengan jitu di bawah pemerintahan Aurangzeb pada akhir abad ke-17. Masuk abad ke-18, kuasa-kuasa serantau mula bangkit dan tekanan luar semakin meningkat, termasuklah serangan pada tahun 1738 oleh Nader Shah, iaitu seorang Shah Iran. Pengaruh Syarikat Hindia Timur Inggeris (BKI) yang kian meningkat telah membentuk semula landskap politik, yang

akhirnya membawa kepada titik noktah bagi pemerintahan Mughal pada tahun 1858.

## **5 Membentuk seni estetika Mughal**

Penubuhan empayar Mughal pada abad ke-16 menandakan satu fasa baharu dalam penghasilan seni di benua kecil India. Dengan memanfaatkan tradisi Timuriyah, para seniman mengadun elemen-elemen Asia Tengah dan Parsi bersama dengan gaya serantau. Sintesis ini diperkukuh lagi oleh hubungan erat dengan istana Safawiyah, di mana seniman Parsi mengetuai kebanyakan bengkel kerja diraja Mughal. Pengaruh-pengaruh ini akhirnya membentuk gaya istana yang tersendiri yang turut menyerap elemen-elemen dari Eropah.

### **Bahan cerminan prestij**

Gaya Mughal memadankan elemen naturalisme dari India – yang ketara adalah rupa bentuk haiwan dan tumbuhan – dengan bahan-bahan berharga seperti jod, gading, dan hablur batu.

Bahan-bahan yang bernilai tinggi ini tersebar luas merentasi Asia dan wilayah sekitarnya, yang mana sifat lut sinar dan kilau gilapannya kian menyerlahkan lagi daya tarikan objek-objek istana tersebut.

## **6 Pertemuan merentasi Lautan Hindi**

Pada abad ke-16, peluasan kuasa Eropah telah membentuk semula corak perdagangan merentasi Lautan Hindi, tatkala kuasa-kuasa Eropah – bermula dengan Portugis dan kemudiannya Belanda serta Inggeris – berusaha untuk menguasai perdagangan maritim. Pengedaran bahan mentah, buku-buku, dan artifak telah mendorong kemunculan bentuk-bentuk baharu yang mengadunkan pengaruh Eropah, Parsi, dan Mughal, sekali gus mengubah reka bentuk dan juga fungsinya.

### **Evolusi motif tumbuhan**

Elemen naturalisme Mughal telah dibentuk oleh ukiran tumbuhan dan karya bercetak yang

dibawa ke India oleh misi Jesuit pada akhir abad ke-16. Para seniman mengembangkan reka bentuk flora yang diilhamkan daripada herbarium, dengan mengadunkan pandangan hadapan dan sisi demi memberikan kesan pergerakan yang hidup pada daun serta kelopak bunga. Menjelang pertengahan abad ke-17, bentuk-bentuk ini berubah menjadi hiasan yang simetri dan bergaya estetika yang dikaitkan dengan gaya istana Mughal.

### **Seni bentuk logam**

Zaman ini juga menyaksikan kemunculan seni bidri, iaitu teknik asal Deccan di mana perak ditatahkan pada aloi zink yang dihitamkan. Reka bentuk yang menampilkan kontras tinggi ini tersebar merentasi Lautan Hindi, lalu mempengaruhi tradisi pertukangan logam di alam Melayu-Islam Asia Tenggara, di mana corak yang serupa dihasilkan menggunakan kaedah yang berbeza.

## 7 **Keanggunan Safawiyah Iran (1501–1736)**

Pada tahun 1501, Shah Ismail I telah mengasaskan dinasti Safawiyah, sekali gus menyatukan sebuah wilayah luas yang menjangkau dari Armenia hinggalah ke Afghanistan. Beliau menetapkan fahaman Syiah sebagai agama rasmi negara demi membenteng pengaruh jiran-jiran Sunninya yang berkuasa: empayar Uthmaniyah di barat, Uzbek di timur laut, dan Mughal di timur. Perjanjian Damai Amasya pada tahun 1555 menandakan gencatan senjata muktamad dengan pihak Uthmaniyah.

### **Separuh dunia: Isfahan**

Shah Abbas I menaiki takhta pada tahun 1587. Pemerintahan beliau membawa kestabilan, sekali gus memajukan sektor perdagangan dan pertukaran dengan kuasa-kuasa Eropah. Pemindahan ibu kota ke Isfahan telah menyumbang kepada pembangunan pentadbiran berpusat di bawah kawalan langsung seorang Shah. Monumen-monumen

yang dihiasi indah dengan jubin seramik berwarna-warni menjadi ciri utama kota ini, sehinggakan ia menjadi masyhur dengan gelaran *nesf-e Jahan* (“separuh dunia”).

### **Penghujung suatu era**

Walaupun para pemerintah selepas Shah Abbas I berjaya mengekalkan tahap kemakmuran tertentu, kuasa diraja kian lemah secara beransur-ansur sepanjang abad berikutnya. Pemerintahan Safawiyah berakhir pada tahun 1736 ekoran pemberontakan puak Afghan Ghalzai dari Kandahar, yang seterusnya membuka jalan kepada kemunculan dinasti Afsyariyah.

## **8 Membina Empayar**

Penghasilan seni sewaktu zaman Safawiyah juga sepesat perdagangan dan penubuhan bengkel-bengkel kerja berskala besar.

Penghasilan seramik kian berkembang, menampilkan pelbagai reka bentuk dan teknik

untuk pasaran tempatan serta luar negara. Paparan babak figuratif dan ukiran inskripsi puisi amat menonjol pada zaman ini, dengan memanfaatkan tradisi sastera Parsi yang kaya lagi indah.

### **Bait-Bait Puisi Saling Menyambut**

Panel jubin yang dipamerkan di sini menggambarkan dua pemuda yang sedang khusyuk dalam satu pertandingan puisi, diapit oleh seorang pemerhati yang tekun dan seorang gadis yang membawa sepinggan hidangan bertutup. Sedang salah seorang daripada mereka mendeklamasikan bait-bait puisi, temannya mencatatkan bait tersebut ke dalam sebuah safina, iaitu album kaligrafi berbentuk segi empat bujur. Warna kilauan memberikan tenaga dan seni yang digariskan dengan garisan-garisan gelap di atas dasar putih yang legap, merupakan satu teknik yang dibangunkan sebagai alternatif baik kepada kaedah mozaik seramik yang menuntut banyak tenaga kerja. Panel-panel sedemikian

berkemungkinan besar membentuk sebahagian daripada pavilion di dalam kompleks diraja di Isfahan. Ia dipasang pada bahagian bawah dinding, di bawah lukisan fresco, sebagai sebahagian daripada kitaran hiasan yang menggambarkan hiburan anak raja pada waktu yang berbeza-beza dalam sehari.

### **Panel jubin dengan pertandingan puisi**

Iran, pertengahan abad ke-17

Seramik berglis

Département des Arts de l'Islam

Musée du Louvre, Paris. Pembelian, 1893, OA 3340

## **9 Amalan keagamaan**

Di bawah pemerintahan dinasti Safawiyah, Islam Syiah telah ditetapkan sebagai agama rasmi. Perbezaan antara Islam Sunni dan Syiah berakar umbi daripada percanggahan pandangan mengenai kepimpinan politik dan rohani umat Islam selepas kewafatan Nabi Muhammad S.W.A pada tahun 632. Muslim

Sunni percaya bahawa pemimpin harus dipilih berdasarkan merit, manakala Muslim Syiah berpegang bahawa kepimpinan merupakan hak mutlak milik keturunan langsung baginda Nabi Muhammad S.W.A .

### **Mentertibkan amalan rohani**

Ritual-ritual Syiah, seperti yang berkaitan dengan hari kelahiran dan kepergian para imam, diraikan secara rasmi di seluruh negara. Ini dapat dilihat melalui kepelbagaian artifak yang masih bertahan hingga ke hari ini, seperti perca panji-panji yang dibawa semasa perarakan.

## **10 Budaya sastera**

Artifak yang memuatkan inskripsi merupakan sebahagian daripada tradisi yang sekian lama bertapak dalam dunia Islam. Semasa era Safawiyah, barangan logam dan seramik yang dihasilkan untuk golongan bangsawan berbudaya tinggi ditatahkan dengan puisi-

puisi mistik serta permainan kata sebagai hiburan.

### **Kraf pertukangan istana**

Lukisan-lukisan yang masih bertahan serta catatan para pengembara Eropah yang berkunjung ke Iran semasa dinasti Safawiyah membuktikan penggunaan meluas artifak logam. Pinggan mangkuk dan bekas daripada logam berharga menjadi kelaziman di istana, di samping seramik buatan China dan Parsi. Logam juga menjadi bahan pilihan utama untuk pembuatan kaki dian (lilin), bekas simpanan, dan senjata. Objek-objek berfungsi ini turut berperanan sebagai sumber kekaguman, kesenangan, dan hiburan.

### **Tradisi yang dikongsi bersama**

Pengaruh bahasa dan sastera Parsi telah meresap masuk ke alam Melayu-Islam Asia Tenggara dari abad ke-15 dan seterusnya, menyaksikan epik Parsi dan puisi Sufi diadaptasi ke dalam babad Melayu lama

(hikayat). Karya-karya ini menyepadukan etika tingkah laku beradab (adab) ke dalam seni dan kehidupan istana Asia Tenggara, sekali gus mencerminkan penghargaan bersama terhadap tradisi kesusasteraan.

## **11 China dan Iran**

Perdagangan global berkembang pesat sepanjang abad ke-17. Laluan darat tradisional kekal aktif, manakala laluan maritim semakin dipengaruhi oleh peluasan kuasa Eropah. Semasa fasa peralihan daripada pemerintahan Ming kepada Qing, China memperhebatkan perdagangan menerusi Laluan Sutera dan rangkaian maritim, lalu mengeksport porselin dalam jumlah yang amat besar. Sementara itu, Shah Abbas I mengalu-alukan kedatangan Syarikat Hindia Timur Inggeris dan Belanda ke Iran, sekali gus meruntuhkan monopoli perdagangan Portugis. Kemasukan barangan yang melimpah-ruah ini telah mengubah pasaran Parsi, serta mendorong kemunculan

bentuk penghasilan dan pertukaran yang baharu.

### **Daya tarikan biru putih**

Porselin biru putih dari China menjadi simbol status yang amat didambakan oleh golongan bangsawan Safawiyah. Ia dinilai tinggi kerana kelangkaan serta kecanggihan teknik pembuatannya. Bengkel-bengkel kerja Safawiyah berdepan dengan tekanan hebat untuk bersaing dengan barangan import ini, tatkala para pembuat tembikar tempatan berusaha untuk meniru rupa bentuk barangan buatan China. Walaupun pada peringkat awal mereka sekadar meniru model dari China, para seniman ini kemudian menyepadukan babak-babak naratif kesusasteraan Parsi dan corak flora, lalu menyatukan elemen-elemen tersebut menjadi satu gaya hibrid yang hidup dan bertenaga.